



**KOPERASI PEKERJA BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
(KOBOPEM) BERHAD**

**ATURAN-ATURAN TABUNG BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN  
KOPERASI PEKERJA BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
(KOBOPEM) BERHAD**

---

**TAJUK**

1. (1) Aturan-Aturan ini dinamakan Aturan-Aturan Tabung Bayaran Pembiayaan Koperasi Pekerja Bomba dan Penyelamat, Malaysia (KOBOPEM) Berhad.
- (2) Aturan Tabung Bayaran Balik Pembiayaan hendaklah selepas ini disebut sebagai "aturan-aturan".
- (3) Aturan-Aturan ini adalah diwujudkan di bawah Undang-Undang Kecil 9(3) dan 49(2)(v) Koperasi ini dan dikuatkuasa selepas diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi ini dan dipersetujui oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

**ALAMAT**

2. Alamat atau pejabat Tabung Bayaran Balik Pembiayaan Koperasi Pekerja Bomba dan Penyelamat Malaysia (KOBOPEM) Berhad ini adalah seperti alamat berdaftar Koperasi.

**TAFSIRAN**

3. Di dalam Aturan-Aturan ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:
  - (a) "Jawatankuasa" bermakna Jawatankuasa yang dilantik oleh anggota lembaga KOBOPEM untuk mengelola Tabung Bayaran Balik Pembiayaan.

(b) "Tabung" ertinya Tabung Bayaran Balik Pembiayaan.

## **TUJUAN**

4. Tujuan Aturan-Aturan adalah untuk:
- (1) Membayar balik baki pinjaman wang Koperasi sekiranya anggota meninggal dunia.
  - (2) Digunakan bagi pelaburan dan perniagaan dan lain-lain aktiviti yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.

## **KEWANGAN TABUNG**

5. Kewangan Tabung ini diperolehi dari: -
- (1) 1% dari jumlah permohonan pinjaman anggota yang diluluskan oleh Koperasi.
  - (2) Keuntungan dari pelaburan menggunakan wang Tabung dalam peraturan 4(b).
  - (3) Lain-lain cara yang diputuskan oleh Lembaga.

## **KELOLAAN WANG**

6. (1) Tabung ini hendaklah ditadbir oleh Jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga dan hendaklah termasuk Setiausaha dan Bendahari Koperasi.
- (2) Tabung ini hendaklah mempunyai akaun sendiri, akaun ini hendaklah ditadbirkan oleh Jawatankuasa.
- (3) Kira-kira tabung ini hendaklah diselenggara oleh Bendahari dan di periksa oleh pemeriksa kira-kira atau Juruaudit Dalam Koperasi.

- (4) Penyata kira-kira tabung ini hendaklah disediakan secara berasingan daripada penyata bulanan.
- (5) Sebanyak RM100,000.00 daripada kewangan Koperasi dikreditkan ke dalam akaun tabung bagi memulakan operasi tabung.
- (6) Jawatankuasa hendaklah berusaha supaya kewangan tabung sentiasa di atas paras RM100,000.00.

### **CARA KELOLAAN WANG TAHUN**

7. (1) Apabila seorang anggota meninggal dunia dan mempunyai baki hutang pinjaman yang belum dijelaskan, adalah menjadi tanggungjawab Ahli Jawatankuasa untuk melunaskan baki hutang kepada Koperasi menggunakan peruntukan kewangan Tabung ini.
- (2) Sekiranya semasa penutupan akaun pada akhir tahun, didapati kewangan tabung melebihi RM200,000.00, wang lebihan itu akan dikreditkan ke dalam akaun Koperasi sebagai keuntungan Koperasi.


### **TAHUN KEWANGAN**

8. Tahun kewangan hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir 31 Disember setiap tahun.

Aturan ini telah dibentangkan dan diluluskan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi pada 3 September 2020



.....  
**(Dato' Sri Ts. Mohammad Hamdan bin Wahid)**  
**Pengerusi**



.....  
**(Nordin bin Pauzi)**  
**Anggota Lembaga**